



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR
02 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)

AKHBAR

MUKA SURAT

Utusan Malaysia

- | | |
|--|-------|
| - Mudah parkir guna apps | 55-56 |
| - Lif rosak: Kerajaan Selangor tunggu peruntukan | 57 |

Sinar Harian

- | | |
|--------------------------------------|----|
| - Enakmen pusat asuhan perlu dipinda | 20 |
|--------------------------------------|----|



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Mudah parkir guna apps
Muka Surat	55-56

JUMAAT • 02.11.2018

UTUSAN KOTA

kota@utusangroup.com.my

UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my

Cuai punca kemalangan di tempat kerja

Tiga daripada 10 kes kemalangan maut di tempat kerja bagi tempoh Januari hingga Oktober tahun ini direkodkan Jabatan Keselamatan Pekerjaan Negeri Sembilan adalah melibatkan sektor perkilangan terutama industri pembuatan.

» BERITA DI MUKA 57





Mudah parkir guna apps

Penggunaan teknologi telefon pintar yang berkembang begitu pesat khususnya melalui aplikasi atau apps banyak mengubah gaya hidup manusia. Bermula dengan kemudahan sistem penentuan global (GPS) seperti Google Maps dan Waze, perkembangan fungsi pada telefon pintar kini diperluaskan untuk pelbagai kegunaan.

Salah satu daripadanya adalah pelaksanaan sistem parkir pintar yang memudahkan orang ramai membayar caj perkhidmatan pihak berkuasa tempatan.

Bagaimanapun, penggunaan aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma di AppStore dan Google PlayStore itu masih kurang mendapat sambutan, lapor AMIRUL AIMAN ANUAR.

MUKA 56

PENGUNAAN aplikasi parkir pintar yang memudahkan pengguna membayar caj letak kenderaan secara dalam talian.



Bayar caj parkir di hujung jari

Oleh **AMIRUL AIMAN ANUAR**
kota@utusanngroup.com.my

■ KUALA LUMPUR 1 NOV.

PEMBARAN caj letak kenderaan kini lebih mudah dengan aplikasi parkir menggunakan telefon pintar.


Inisiatif oleh beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) di negeri Selangor dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) memperkenalkan kaedah bayaran secara dalam talian terbukti memudahkan urusan orang ramai.

Antara aplikasi yang boleh digunakan pada masa kini adalah JomParking, Smart Selangor Parking dan Boost.

Aplikasi yang boleh dimuat turun secara percuma itu membolehkan pengguna membuat bayaran segera dengan menggunakan kredit yang boleh ditambah nilai daripada perkhidmatan perbankan tempatan (e-wallet).

Penggunaan kemudahan tersebut hanya memerlukan pengguna memasukkan nombor pendaftaran kenderaan.

Selain itu, kemudahan tersebut juga membolehkan pengguna melanjutkan tempoh meletak kenderaan tanpa perlu kembali ke tempat parkir seperti yang perlu dilakukan melalui kaedah manual



APLIKASI Smart Selangor Parking yang menghimpunkan beberapa perkhidmatan pembayaran parkir secara online di Selangor.

sebelum ini.

Kelebihan menggunakan aplikasi tersebut dapat mengatasi kesukaran mendapatkan kupon parkir atau berdepan dengan mesin terminal bayaran yang rosak. Bagaimanapun tinjauan *Utusan Malaysia* mendapati sambutan

terhadap aplikasi itu masih belum meluas kerana orang ramai masih selesa menggunakan kaedah sedia ada.

Justeru, pihak PBT dilihat perlu memperluaskan promosi dan pendedahan tentang manfaat dan kelebihan aplikasi berkenaan.

Penggunaan perlu diperluas

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Pelaksanaan pembayaran caj parkir secara dalam talian melalui aplikasi pintar kini menjadi pilihan utama pihak berkuasa tempatan (PBT).

Pengarah Urusan SSDU Innovations Sdn Bhd, Dr. Mohammad Fahmi Ngah berkata, aplikasi mesra pengguna itu dapat menyenaraikan pelaksanaan sistem parkir PBT di seluruh kawasan negeri Selangor dengan lebih efisien.

Beliau berkata, usaha memperluaskan penggunaan aplikasi tersebut diharapkan dapat membantu mempercepatkan urusan pembayaran caj letak kenderaan.

Katanya, sejak diperkenalkan pada pertengahan tahun ini, sambutan orang ramai terhadap aplikasi itu mula menunjukkan peningkatan.

"Setakat ini seramai 93,620 pengguna telah memuat turun aplikasi SSP yang menawarkan kira-kira 100,000 akses petak parkir di hujung jari sahaja.

"Bagaimanapun kita harap orang ramai akan memanfaatkan teknologi pintar ini demi kemudahan mereka. Lagipun penggunaannya sangat mudah," katanya kepada *Utusan Malaysia* baru-baru ini.

Dr. Mohammad Fahmi

berkata, inisiatif pintar kerajaan negeri melalui anak syarikat Pembebadanan Menteri Besar Selangor (MBI) itu juga mampu menjimatkan 69 tan kertas yang diperlukan melalui kaedah penggunaan kupon sebelum ini.

Sementara itu, jurucakap operator CityCarPark, Nik Muhammad Haikal Nik Haidi berkata, penembusan warga kota dalam penggunaan aplikasi pintar bagi kemudahan parkir di Kuala Lumpur masih rendah.

Katanya, setakat ini rekod pembayaran parkir warga kota masih tertumpu kepada kaedah pembayaran menggunakan syiling pada mesin terminal yang meliputi 35 peratus daripada pecahan kaedah kutipan.

"Pembayaran melalui aplikasi pintar hanya sekitar 12 peratus sahaja buat masa ini. "Manakala pembayaran menggunakan kad *Touch n Go* pula adalah sebanyak 26 peratus yang dilakukan pada mesin terminal," katanya.

Beliau memberitahu, pelaksanaan sistem bayaran parkir secara dalam talian itu mampu mencapai tahap yang jauh lebih tinggi jika promosi mengenai kebalikan dan manfaatnya diperluaskan oleh pihak berkuasa tempatan.

MAKLUM BALAS

INFO

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL)


OPERATOR: Citycarpark **Caj parkir ditetapkan DBKL**

- APLIKASI PINTAR:**
1) JomParking
2) Boost
- Zon A:** RM1.50 jam pertama, RM2.50 jam kedua (maksima dua jam)
Zon B: RM1.00 (tiada had masa)
Zon C: RM0.80 (tiada had masa)

PBT Negeri Selangor: MBPJ, MBSA, MPAJ, MPS, MPKJ, MPSP

OPERATOR: Smart Selangor Delivery Unit (SSDU)

APLIKASI PINTAR: Smart Selangor Parking





MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
 MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
 PANDAN INDAH, SELANGOR,
 55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Utusan Malaysia
Tajuk Berita	Lif rosak: Kerajaan Selangor tunggu peruntukan
Muka Surat	57

Lif rosak: Kerajaan Selangor tunggu peruntukan

4R 2/11/18 MS 57

MAKLUM BALAS

KUALA LUMPUR 1 Nov. - Kerajaan Selangor melalui Lembaga Perumahan Hartanah Selangor sedang menunggu kelulusan peruntukan daripada pejabat kewangan negeri bagi menjalankan kerja penyelenggaraan lif di Flat Taman Industri, Lembah Jaya.

Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dalam satu kenyataan memaklumkan, flat berkenaan telah mendapat peruntukan melalui skim Selangor Smart Life bagi tujuan itu.

"MPAJ telah menjalankan siasatan bahawa kedua-dua lif di flat berkenaan dalam keadaan bahaya dan tidak boleh digunakan ekoran masalah tali kabel yang hampir putus.

Flat Taman Industri berhubung masalah lif rosak dan merayu pihak berwajib segera menyelesaikan isu yang berlarutan sejak setahun lalu.

"Bagaimanapun, hanya sebuah lif boleh digunakan penduduk di bawah pengawasan pihak kontraktor penyelenggaraan," menurut kenyataan tersebut di sini hari ini.

Beliau berkata demikian bagi mengulas kebimbangan kira-kira 3,000 penghuni

NOTIS

PERMOHONAN LESEN MENJUAL MINUMAN KERAS

Adalah dengan ini dimaklumkan bahawa CHUA BEAN HONG, MyKad No.: 790563-09-5013 yang berniaga dengan nama JRR VENTURES SDN BHD (974437-W) telah membuat permohonan kepada Pengerusi, Lembaga Pelesenan Eksais, Wilayah Persekutuan, di/a Jabatan Pelesenan dan Pengurusan Penaja, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Tingkat 4, 5 dan 6, Menara DBKL 2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur bagi lesen Menjual Minuman Keras Jenis PEMBORONG di B-6-03, GALERI HARTAMAS, JLN 26/70A, DESA SRI HARTAMAS, 50460 KUALA LUMPUR.

Sebarang bantahan dari orang ramai hendaklah dikemukakan kepada Lembaga seperti alamat diatas.



MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA
BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM DAN SEKRETARIAT
MENARA MPAJ, JALAN PANDAN UTAMA,
PANDAN INDAH, SELANGOR,
55100 KUALA LUMPUR

KERATAN AKHBAR 02 NOVEMBER 2018 (JUMAAT)	
Akhbar	Sinar Harian
Tajuk Berita	Enakmen pusat asuhan perlu dipinda
Muka Surat	20

SH 2/11/18 n/s 20

Enakmen pusat asuhan perlu dipinda

SHAH ALAM - Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan (PBT) di peringkat negeri perlu bekerjasama bagi membuat pindaan terhadap enakmen berkaitan penubuhan pusat asuhan yang dilihat merumitkan banyak pihak.

Exco Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga Selangor, Dr Siti Mariah Mahmud berkata secara umumnya, taska dan pusat asuhan yang ingin ditubuhkan perlu memenuhi syarat ditetapkan oleh PBT namun terdapat beberapa perkara yang merumitkan sehingga menyukarkan urusan bagi pembukaan premis tersebut.

"Sebagai contoh, jika ingin tubuhkan taska di kawasan perumahan, pengusaha pusat asuhan perlu mendapatkan persetujuan daripada jiran-jiran terlebih dahulu dan jika mereka tidak bersetuju maka premis itu tidak dapat beroperasi.

"Jadi perkara-perkara sebeginilah yang memerlukan pindaan di dalam enakmen berkenaan bagi memudahkan proses untuk membuka taska atau pusat asuhan," katanya kepada pemberita selepas Majlis Penutup Rejuvenasi Taska Tempat Kerja Peringkat Negeri Selangor yang berlangsung di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC) semalam.

Difahamkan, majlis tersebut dilaksanakan sejajar dengan pengumuman Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pada Julai lalu yang menggalakkan semua agensi dan jabatan kerajaan mewujudkan taska di tempat kerja masing-masing menjelang Januari tahun hadapan.

Mengulas lanjut mengenai program berkenaan, Mariah berkata, penubuhan taska di tempat kerja melibatkan agensi kerajaan dan swasta dapat meningkatkan produktiviti pekerja serta memudahkan wanita bekerluarga untuk menyumbangkan kemahiran mereka dalam meningkatkan ekonomi negara.

"Kerajaan Selangor sedar akan kepentingan bagi menyediakan taska atau pusat asuhan yang berkualiti untuk pelapis generasi akan datang," katanya.

Mariah berkata setiap ketua jabatan dan majikan swasta bagi merealisasikan penubuhan taska di tempat kerja masing-masing.



Mariah menyampaikan sijil kepada peserta program.